

Bulletin ACIS

eISSN: 2600-8289
Zulhijjah / Muharram 1440 — September 2018
BIL: 06 / 2018



Mengapa Perlunya makan Makanan Halal ?

Imam
al-Ghazali

Konsep Kepimpinan
& Pengurusan

Hukum Tarian
Menurut Islam

ACIS : Pembangunan Ke arah 2020

Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof. Dr. Nasrudin Mohammed
(Rektor)

Penasihat:

Hisam Satari
(Ketua Pusat Pengajian Acis)

Editor:

Mu'allim Bin Mohd Bakri

Sidang Pengarang:

Ahmad Fathi Bin Muhammad

Mohd Hidayat Bin Mahadi

Ahmad Faiz Bin Hj Ahmad Ubaidah

Nuruul Hidayah Mansur

Mu'allim Mohd Bakri

PENERBIT

UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1,
70300 Seremban 3,
Negeri Sembilan, Malaysia

Jika berminat untuk
menghantar sebarang artikel
atau komen, boleh email ke
bulletin.acis.n9@gmail.com
muallim@ns.uitm.edu.my

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada pembaca budiman sekalian. Alhamdulillah, Buletin ACIS siri keselelas atau siri keenam yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Tajuk Fokus bulan ini adalah "*Mengapa Perlunya Makan Makanan yang Halal?*". Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga, buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua. Selamat membaca.

Isi Kandungan

- ⇒ Mengapa Perlunya Makan Makanan Yang Halal? (3)
- ⇒ Imam al-Ghazali (8)
- ⇒ ACIS-Pembangunan Kearah 2020(12)
- ⇒ Konsep Kepimpinan & Pengurusan (14)
- ⇒ Hukum Tarian Menurut Islam (15)

HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan
sebulan sekali

Mengapa Perlunya Makan Makanan Yang Halal ???

Oleh : Ahmad Fathi Bin Muhammad
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Seremban)

Manusia merupakan makhluk yang dilengkapi dengan nafsu syahwat untuk makan dan minum bagi meneruskan kesinambungan kehidupannya kerana tubuh manusia memerlukan tenaga daripada makanan dan juga hidrasi daripada air untuk berfungsi dengan baik. Menurut kajian saintis Jerman Kottusch P dan beberapa saintis lain (2009), tubuh manusia hanya dapat bertahan 8 ke 21 hari sahaja tanpa makanan dan minuman. Justeru, makanan merupakan satu elemen penting dalam meneruskan kemandirian manusia. Namun, apa yang mungkin menjadi persoalan kepada kebanyakan orang ialah mengapa perlunya seorang muslim itu makan makanan yang halal sahaja dalam kehidupan sehariannya sedangkan makanan yang haram juga mampu memberikan tenaga dan keperluan lain kepada tubuh sama seperti makanan yang halal. Bagi menjawab persoalan tersebut, berikut didatangkan beberapa sebab mengapa perlunya kita makan makanan yang dihalalkan oleh Allah dan menjauhi segala makanan yang haram:



1) Sebagai tanda kepatuhan seorang hamba kepada arahan TuhanYa:

Allah Subhanahu Wa Taala telah beberapa kali mengulangi arahanNya kepada hambaNya dalam Al-Quran supaya makan makanan yang halal lagi baik. Arahann ini tidak setakat diulang berkali-kali bahkan dikhusukan pula kepada kelompok atau golongan yang khusus setiap kali arahan ini datang. Terdapat

b) Kepada orang yang beriman yang dituntut supaya makan daripada makanan yang baik. FirmanNya dalam Surah al-Baqarah; ayat ke-172:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ

c) Kepada manusia seluruhnya yang disuruh supaya makan daripada makanan yang halal lagi baik. FirmanNya dalam Surah al-Baqarah; ayat ke-168:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبِا

wenangnya makan makanan yang haram, maka itu merupakan satu bentuk ikutan kepada jejak langkah syaitan. Jejak langkah yang bermula melalui pemakanan yang haram tentunya akan menjerumuskan manusia itu kepada kebinasaan yang lebih besar pada masa akan datang. Semuanya bermula dengan pengabaian kepada makanan yang halal dan mengikuti jejak langkah syaitan dengan makan makanan yang haram.

Maka jelaslah kepada kita bahawa makan makanan yang halal itu bukanlah perkara kecil yang enteng yang yang boleh dipandang ringan. Tetapi ia merupakan isu yang besar dalam kehidupan seorang muslim bahkan kepada manusia sejagat.

2) Pada makanan yang halal itu ada kebaikan yang banyak, pada makanan yang haram itu ada keburukan yang banyak.



tiga golongan utama yang dikhkusukan dengan panggilan khas dalam Al-Quran untuk makan makanan yang halal:

a) Kepada para rasulNya yang diarahkan supaya makan daripada makanan yang baik. FirmanNya dalam Surah al-Mukminun; ayat ke-51:

يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا

Apa yang lebih menarik perhatian ialah terdapat ayat dalam Al-Quran yang membicarakan soal pemakanan yang halal lagi baik, diakhiri dengan tuntutan supaya hambaNya tidak mengikuti jejak langkah syaitan (Surah al-Baqarah; ayat ke-168).

Hal ini seolah-olah menunjukkan bahawa sekiranya arahan makan makanan yang halal itu tidak dipatuhi, dengan sewenang-

Allah Subhanahu Wa Taal sendiri berfirman dalam Surah al-A'raf: ayat ke-157 berkaitan maksud atau tujuan disebalik penghalalan sesuatu dan pengharaman sesuatu yang lain dengan firmanNya:

وَيَحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتُ وَيَحْرَمُ عَلَيْهِمُ الْخَنَاثُ

Maksudnya: "Dan dia menghalalkan untuk mereka sesuatu yang baik, dan mengharamkan ke atas mereka sesuatu yang buruk".

أَلَا وَإِنْ فِي الْجَسَدِ مُضْعَفَةٌ إِذَا صَلَحَ صَلَحَ
الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا
وَهِيَ الْأَنْتَبُ

Ibnu Kathir (1999) telah menuliskan dalam tafsirnya ketika menafsirkan ayat ini dengan kata-kata sebahagian ulama. Kata mereka: "Setiap apa yang dihalalkan oleh Allah, maka ia baik dan bermanfaat untuk tubuh dan agama, dan setiap apa yang diharamkan olehNya, maka ia buruk lagi memudharatkan kepada tubuh dan agama".

Allah sebagai Tuhan sangat kasihkan hambaNya lebih daripada kasihnya seorang ibu kepada anaknya (Hadith Muttafaq Alaih, riwayat Bukhari 5653, dan Muslim 69121),

maka setiap arahan dan pensyariatan yang datang daripadaNya adalah beramatlamat untuk mendatangkan kebaikan kepada manusia dan menjauhkan keburukan daripada mereka. Hal inilah yang dipertegaskan oleh Imam al-Shatibi (2004) dalam bicaranya berkenaan dengan objektif pensyariatan bahawa syariat Islam itu terbina atas dasar mendatangkan kebaikan dan menolak kemudharatan.

Sesuatu makanan itu dihalakan kerana terdapat padanya kebaikan dan manfaat yang banyak berbanding keburukan dan mudharat. Manakala sesuatu makanan itu diharamkan kerana terdapat padanya keburukan dan mudharat yang lebih banyak

berbanding kebaikan dan manfaat. Itulah yang menjadi asas kepada penghalalan dan pengharaman sesuatu makanan dalam Islam sebagaimana yang disebutkan oleh Allah dalam firmanNya berkenaan dengan arak (Surah al-Baqarah: ayat ke-219).

3) Makanan yang halal atau haram itu mempengaruhi hati, dan peribadi seseorang dalam melakukan sesuatu tindakan.

Menjadi seorang yang berjaya dunia dan akhirat memerlukan seseorang itu menjaga hubungannya dengan Allah dengan bertaqwa kepadaNya dan juga menjaga hubungannya dengan manusia dengan memperelokkan akhlak dalam pergaulannya. Sebagaimana jawapan Nabi Sallallahu Alaihi Wassallam kepada para sahabat yang bertanya: "Apakah amalan paling banyak memasukkan seseorang ke dalam syurga?" lalu jawab Baginda: "Bertaqwa kepada Allah & berakhlak mulia." (Hadith riwayat Tirmizi 2004).

Namun, ketaqwaan hati dan kehalusan budi pekerti hanya akan lahir daripada hati yang suci dan murni kerana hati merupakan raja kepada seluruh anggota badan. Sebagaimana sabda Rasulullah sallallahu' alaihi wasallam:

Maksudnya: "Ketahuilah, sesungguhnya di dalam tubuh manusia terdapat segumpal daging. Jika ia baik, maka baiklah seluruh tubuh. Jika ia rusak, maka rosaklah seluruh tubuh. Ketahuilah (segumpal daging) itu ialah hati." (Hadith Muttafaq Alaih riwayat Bukhari 52, dan Muslim 1599).

Justeru, jika hati menjadi gelap dan kotor hasil daripada makan makanan yang haram tentu sekali sukar untuk menjadikan seseorang itu manusia yang bertaqwa kepada Tuhannya dan berbudi kepada manusia yang lain. Oleh sebab itulah Allah sangat memberikan penekanan kepada soal makanan halal kepada para rasul dan juga para hambaNya, bahkan mendahulukan soal makan yang kemudian disusuli dengan beramal soleh dalam satu ayat. FirmanNya dalam surah al-Mukminun, ayat ke-51:

يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ كُلُّوا مِنَ الطَّيَّابَاتِ وَاعْمَلُوا^{وَالصَّالِحَاتِ بِيَمِينِكُمْ} مَا تَعْمَلُونَ عَلَيْهِ

Maksudnya: "Wahai para rasul, makanlah daripada makanan yang baik-baik dan lakukanlah amal soleh. Sesungguhnya aku maha mengetahui segala apa yang kamu kerjakan".

Hal ini kerana makanan menjadi penyumbang kepada tenaga untuk melakukan

Ibadat dan juga amal soleh. Justeru, makanan yang halal lagi baik dapat membantu merangsang diri untuk melakukan amal kebaikan, begitu juga sebaliknya.

Seorang profesor ilmu saraf dan fisiologi UCLA yang menjalankan kajian tentang kesan makanan ke atas otak dan pemikiran iaitu Fernando Gómez-Pinilla (2008) dalam satu kajiannya merumuskan bahawa: "Makanan adalah seperti sebatian farmaseutikal yang mempengaruhi otak". Begitulah pengaruh yang dimiliki oleh makanan dalam mempengaruhi proses dan emosi kognitif otak seseorang manusia. Maka seharusnya seorang muslim tidak bertindak sewenang-wenangnya dalam memilih makanan untuk tubuhnya.

4) Penerimaan Amalan dan Kemustajaban doa turut bergantung kepada kehalalan makanan yang dimakan.

Mematuhi perintah Allah dalam soal pemakanan sebenarnya akan mendekatkan seseorang itu dengan Tuhan dengan diterima amal kebaikannya serta dimakbulkan doanya. Hal ini berdasarkan hadith dalam Sahih Muslim yang merivayatkan bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, "Ada seorang lelaki yang melakukan perjalanan jauh hingga rambutnya penuh

debu. Lalu dia mengangkat tangannya ke langit seraya berdoa, 'Ya Rabb, ya Rabb! Sedangkan tempat makanannya haram, tempat minumannya haram, pakaiannya haram, dan juga makanannya haram, maka bagaimana doanya akan dikabulkan!' (Diriwayatkan oleh Muslim 1015).

Dalam hadith yang lain pula seorang sahabat Nabi bernama Sa'ad bin Abi Waqqas meminta Nabi berdoa supaya doa-doanya dimustajabkan oleh Allah, lantas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, "Wahai Sa'ad perbaikilah makananmu pasti engkau akan menjadi orang yang doanya terkabul. Demi Dzat Yang jiwa Muhammad berada dalam genggaman tangan-Nya, sungguh seorang hamba memasukkan sesuap makanan yang haram ke dalam perutnya yang menyebabkan amalnya selama empat puluh hari tidak diterima. Mana-mana hamba yang dagingnya tumbuh dari barang haram dan riba, maka neraka lebih layak untuk dirinya." (Diriwayatkan oleh Ath-Thabrani dalam Al-Ausath 6495 dari Ibnu Abbas secara marfu').

Justeru, sebagai manusia yang sangat berhajat kepada Tuhan dalam segala aspek kehidupan, sangatlah penting doa-doa yang dituturkan ketika bermunajat kepadaNya dimakbulkan dan dimustajabkan. Jika Tuhan sendiri tidak menerima amalan dan me-

makbulkan doa seorang manusia akibat daripada makan makanan yang haram, maka siapa lagi yang dapat memakbulkannya.

5) Makanan yang halal menaikkan martabat seseorang di sisi Tuhan dan begitu juga sebaliknya.

Makan makanan yang halal itu disukai oleh Allah kerana mentaati perintahNya.

Apabila Allah menyukai seseorang hamba maka tentunya Allah akan menaikkan martabatnya di sisiNya sendiri yang seterusnya akan memberi kesan kepada penerimaan manusia kepadanya (Hadith riwayat Bukhari no 5693).

Manakala sebaliknya, makan makanan yang haram itu dimurkai oleh Allah dan menjatuhkan martabat dan nilai dirinya di sisi Allah seterusnya memberi kesan kepada penerimaan manusia kepadanya.

Apabila Nabi Adam dan isterinya Hawa makan daripada pokok yang diharamkan oleh Allah ke atas mereka, maka terdedahlah kepada Adam dan Hawa aurat masing-masing yang sebelum ini tertutup (Surah al-A'raf: ayat ke 22). Hal ini seolah-olah mengajar kepada kita bahawa makan makanan yang diharamkan oleh Allah ke atas kita akan mengakibat-

kan kesan buruk terdedah aib sendiri, atau hilangnya rasa malu dalam diri. Semakin lama semakin terdedah aurat dan keaiban diri hasil daripada makan makanan yang haram.

Jika sebelum ini Allah melindungi daripada terdedah keaiban hasil daripada kepatuhan kepadaNya dengan makan makanan yang halal, maka makan makanan yang haram akan mendedahkan aib seseorang itu dengan tiada lagi perlindungan daripada Allah untuknya dan merendahkan nilai dirinya di hadapan Allah. Melihatkan kepada situasi umat Islam pada hari yang semakin terdedah auratnya, semakin hilang malunya, dan makin rendah nilai harga dirinya, mungkinkah ia disumbangkan juga oleh faktor pemakanan haram yang diambil enteng?

Kesimpulan

Akhir kata, kepentingan bagi seorang muslim untuk makan makanan yang halal sebenarnya sangat banyak. Namun apa yang dapat dititipkan dalam tulisan kali ini hanyalah sebahagian daripadanya yang dapat diringkaskan kepada lima perkara iaitu sebagai tanda kepatuhan seorang hamba kepada arahan Tuhannya, kebaikan yang banyak yang ada pada makanan yang halal, kemampuan makanan yang halal dalam mempengaruhi hati, dan peribadi seseorang dalam melakukan sesuatu tindakan, Pergantungan penerimaan amalan dan kemustajaban doa kepada makanan yang dimakan dan yang kelima ialah ketinggian martabat seseorang di sisi Tuhan hasil daripada makan makanan yang halal. Semoga tulisan ini dapat menambah keiman-an kepada Allah yang menggariskan arahan keperluan makan makanan halal kepada hambaNya seterusnya membaiki mutu kefahaman kita dalam memahami perihal pentingnya makanan yang halal dalam kehidupan seharian sebagai muslim.



Al-Quran al-Karim.

Sahih Bukhari. Muhammad bin Ismail al-Bukhari. Dar Ibnu Kathir Damascus. Cetakan pertama 2002.

Sahih Muslim. Muslim bin al-Hajjaj. Dar Taibah. Cetakan pertama 2006.

Sunan al-Tirmizi. Abu 'Isa al-Tirmizi. Dar al-Gharb al-Islami. Cetakan pertama. 1996

Al-Mu'jam al-Ausath. Sulaiman bin Ahmad Abu al-Qasim Ath-Thabrani. Tahqiq: Tariq bin Iwad Allah & Abdul Muhsin Bin Ibrahim . Dar al-Haramain, Cairo.

Tafsir Ibnu Kathir . Ismail Bin Omar bin Kathir, Tahqiq: Sami bin Muhammad Sallamah. Dar Taibah. Cetakan kedua 1999.

Al-Muwafaqat fi usul al-Shariah. 2004. Ibrahim bin Musa al-Shatibi. Tahqiq: Abdullah Darraz. Dar al-kutub al-ilmiyyah. Cetakan pertama.

Survival time without food and drink. Kottusch P, Tillmann M, Püschel K. Arch Kriminol. 2009 Nov-Dec;224 (5-6):184-91. German.

Brain foods: the effects of nutrients on brain function. Fernando Gómez-Pinilla. Nature Reviews Neuroscience volume 9, pages 568–578 (2008).

Imam al-Ghazali

Oleh : Mohd Hidayat Bin Mahadi
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Rembau)



KETOKOHAN AL GHAZALI DALAM DISIPLIN ILMU PENGETAHUAN

Imam al-Ghazali, satu nama yang tidak asing bagi masyarakat Muslim. Beliau merupakan tokoh yang terkemuka dalam ilmu falsafah dan juga dunia tasawuf. Beliau memiliki pengaruh yang luas dalam arena ilmu pengetahuan. Malahan pemikiran beliau juga telah tersebar ke saentero dunia Islam dan juga dunia Barat. Dari sudut pandangan beliau mengenai sumber kepada ilmu pengetahuan manusia, Al-Ghazali tidak menolak penggunaan akal fikiran dalam pembicaraan falsafah dan juga penghasilan ilmu pengetahuan yang lain. Sebaliknya beliau berpendapat bahawa ilmu kalam dan penyelidikan menggunakan fikiran boleh menambahkan keyakinan dan menyalakan api keimanan pada hati orang bukan Islam

terhadap kebenaran ajaran Islam. Jadi, perkembangan sesuatu ilmu pengetahuan bukan sahaja bersandarkan kepada kepuasan akal fikiran tetapi juga perlu mengambil kira aspek perasaan dan hati nurani.

LATAR BELAKANG KEHIDUPAN AL-GHAZALI

Nama sebenar beliau adalah Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali lahir pada tahun 450 H/1058M di Ghazaleh, sebuah kota kecil yang terletak di Thus (wilayah Khurasan) Iran, yang kini disebut sebagai Meshed. Di kota ini pula beliau meninggal dunia dan dikebumikan pada tahun 505H/111M. Kota Baghdad merupakan titik permulaan dimana beliau mula menjadi terkenal manakala halaqah pengajiannya

meluas dan beliau produktif dalam menghasilkan penulisan. Tetapi kemudian nya, beliau lebih suka kepada kehidupan yang berbentuk spiritual berbanding material. Oleh kerana itu, beliau telah meninggalkan Baghdad dan memilih jalan untuk menyendiri serta mengamalkan mistik. Jiwanya bercelaru dan fikirannya kacau. Tidak beberapa lama kemudian, beliau jatuh sakit. Namun apabila beliau sembuh, beliau kembali semula ke Naysabur di mana beliau menghabiskan hayatnya di sana dengan mengajar sehingga ke hujung hayatnya.

Berdasarkan kepada fakta sejarah, beliau adalah berbangsa Parsi walaupun sebahagian besar daripada bukunya itu ditulis dalam bahasa Arab. Beliau mempunyai seorang saudara lelaki yang bernama Ahmad dan beberapa orang saudara perempuan. Al-Ghazali telah kehilangan ayahnya semenjak dari beliau kecil lagi. Sebelum ayahnya meninggal dunia, ayahnya telah mewasiatkan seorang rakannya supaya menjaga dan mengajarkan ilmu khat kepada dua orang anaknya itu disamping mengawasi mereka dalam menuntut ilmu pengetahuan. Rakan ayahnya itu diberikan sedikit harta peninggalannya untuk tujuan perbelanjaan kedua-dua mereka. Setelah harta itu habis dibelanjakan, maka penjaga tersebut menyarankan agar kedua-duanya meneruskan pengajian mereka di madrasah yang memberikan biasiswa kepada pelajarnya. Al-Ghazali dan saudaranya itu meneruskan pengajiannya ke salah sebuah madrasah di Tus.

Al-Ghazali juga menjalani kehidupan berkeluarga sebagaimana orang lain, namun tidak banyak catatan sejarawan yang menceritakan tentang urusan kehidupan keluarganya. Apa yang dapat diketahui berhubung dengannya ialah beliau telah berkahwin sebelum umurnya mencecah 20 tahun dan dikurniakan empat orang anak, iaitu tiga orang perempuan dan seorang lelaki. Gelaran 'Abu Hamid' yang terdapat di pangkal namanya adalah sempena nama

anak lelaki tunggalnya, 'Hamid' yang telah meninggal dunia ketika masih kecil.

Sejarawan juga mencatatkan bahawa beliau adalah seorang yang suka mengembara dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain bertujuan untuk memantapkan dirinya dengan pelbagai disiplin ilmu dan juga untuk bertujuan untuk mencari hakikat kebenaran. Beliau telah mengembara ke Naysabur, al-Askar (Iraq), Mesir, dan ke Damsyik, Syria. Pengembaraannya ke Naysabur bersama-sama satu kumpulan pelajar dari negerinya, telah berjaya menemukannya dengan tokoh ulama' yang terkenal pada masa itu iaitu Imam al-Haramayn. Al-Ghazali telah berguru dengannya sehinggalah gurunya itu meninggal dunia pada tahun 478 H./ 1085M.



Setelah kematian gurunya, al-Ghazali meninggalkan Naysabur bagi meneruskan pengembaraannya ke al-Askar, Baghdad. Di sana, beliau telah bertemu dengan seorang menteri yang bernama Nizam al-Mulk, seorang tokoh pembesar berketurunan Bani Saljuk yang amat mengambil berat tentang kegiatan intelektual. Nizam al-Mulk telah memberikan penghormatan yang tertinggi terhadap kedatangan al-Ghazali. Beberapa majlis perdebatan dan dialog diadakan antara beliau dengan kalangan bijak pandai di sana bagi menilai ketinggian dan kemantapan ilmunya. Ternyata bahawa al-Ghazali bukan sebarang orang kerana beliau mampu mengatasi kalangan cendiakawan tempatan yang ada pada ketika itu. Akhirnya nama beliau menjadi

sebutan masyarakat di sana. Justeru itu, Menteri Nizam al-Mulk telah melantiknya sebagai profesor di madrasah al Nizamiyyah, Baghdad pada bulan Jamadil Awal, 484 H. Madrasah ini adalah sebuah institusi pendidikan yang terkenal pada ketika itu di Baghdad dan telah diasaskan oleh Nizam al-Mulk kira-kira 25 tahun sebelum perlantikannya ke jawatan tersebut.

Penghijrahan al-Ghazali ke al-Askar telah membuka suatu lembaran baru dalam kehidupannya. Disana, beliau telah terlibat secara langsung dengan kegiatan pengajaran. Menurut Ibn al-Arabi (m. 543H./1148M), kuliah yang disampaikan oleh al-Ghazali telah dihadiri oleh 400 orang pelajar yang termasuk diantaranya adalah merupakan golongan ulama-ulama besar pada masa itu. Dalam tempoh masa tersebut iaitu kira-kira empat tahun, beliau juga berusaha mendalami ilmu falsafah dengan membaca sendiri karya-karya yang berkaitan dengan bidang tersebut di samping menghasilkan beberapa karya ilmiah. Usaha beliau menelaah karya-karya falsafah juga turut membantunya menguasai kaedah logik yang digunakan oleh ahli falsafah dalam karya mereka dengan baik. Apabila kaedah-kaedah tersebut berjaya di kuasainya, al-Ghazali terus menggunakan untuk menolak beberapa asas pemikiran falsafah yang mempunyai unsur percanggahan dengan ajaran Islam.

Al-Ghazali merupakan seorang tokoh yang mempunyai tahap kecerdasan akal yang tinggi. Beliau amat mahir dalam disiplin ilmu yang diceburinya. Ibn Kathir menyifatkannya sebagai salah seorang tokoh cendiakawan dunia dalam semua bidang yang diceburinya. Gelaran Hujjat al-Islam yang diberikan kepada dirinya bermaksud orang berhujah mempertahankan agama Islam. Gelaran ini amat sesuai diberikan kepadanya memandangkan peranannya yang besar dan mendalam dalam bidang ilmu epistemologi Islam. Demikianlah al-Ghazali menempuh segala jalan dan mempelajari semua mazhab. Bermula menjadi ahli hukum Islam, kemudiannya beliau menjadi seorang ahli teologis dan kemudian sebagai seorang ahli falsafah sebelum bertukar pada akhirnya kepada seorang ahli sufi.

Al-Ghazali menganjurkan supaya umat Islam mencari kebenaran dengan menjadikan al-Quran itu sebagai sumber yang utama, dan bukannya melalui proses pemikiran dan akal semata-mata. Jadi, apa yang cuba dilakukan oleh al-Ghazali ialah memaparkan kesalahan dan kepalsuan dalam bidang pengetahuan yang bercanggah dengan agama serta bertentangan dengan pendirian umat Islam. Sekali gus menunjukkan bahawa al-Ghazali sebenarnya merupakan seorang ahli falsafah Islam yang mencari kebenaran dengan berpandukan kepada al-Quran dan al-Hadith, tidak sebagaimana pemikiran serta permainan logik yang lazimnya digunakan oleh ahli falsafah Yunani. Perkara yang ditentang oleh al-Ghazali bukanlah diri ahli falsafah itu sendiri. Akan tetapi lebih kepada pemikiran yang dibawakan oleh mereka. Apa yang dimaksudkan di sini ialah merujuk kepada kesalahan, kesilapan, dan juga kesesatan yang dilakukan oleh golongan tersebut. Pada al-Ghazali, tunjang kepada pemikiran falsafah yang sebenar mestilah berasaskan al-Qur'an dan al-Hadith.

SUMBANGAN AL GHAZALI DALAM DUNIA ILMU PENGETAHUAN

Al-Ghazali merupakan seorang tokoh falsafah Islam walaupun dalam sejarah hidupnya, beliau begitu anti kepada falsafah sehingga beliau menjatuhkan hukum kufur kepada ahli falsafah Islam yang lain seperti al-Farabi dan ibn Sina. Namun begitu, daripada sumber-sumber yang diperolehi, jelas menunjukkan bahawa hujah beliau menyangkal ilmu falsafah itu adalah berasas kerana sanggahannya terhadap falsafah tidaklah bermaksud meliputi keseluruhan ilmu tersebut, tetapi hanya sebahagian sahaja seperti ilmu fizik, logik, dan juga ilmu metafizik yang mana banyak membicarakan soal hukum dan juga ketuhanan. Dalam perkara ini, hujah-hujah beliau adalah benar dan tidak meragukan.


Al-Ghazali membesar dan mendapat pendidikan yang sempurna daripada tokoh-tokoh ulama' terkemuka pada ketika itu. Berbekalkan ilmunya yang luas, bahasa yang lancar serta logik yang kuat, al-Ghazali giat menulis. Buku-buku yang dihasilkannya meliputi pelbagai disiplin ilmu seperti Usul Fiqh (al-Mustafa), ilmu Kalam (al-

Iqtiqad Fil al-Iqtiqad), Fiqh Sufi (Maqasid al-Falasifah, Munqidh Minad-Dalal dan Tahafut al-Falasifah) dan sebagainya.

Al-Ghazali juga menggunakan nama Abu Hamid dalam pelbagai karya klasik sepertimana Ibn Rusyd yang turut disebut sebagai Abul Walid. Al-Ghazali turut digelar ‘Hujjatul Islam’ kerana pembelaannya yang mengagumkan terhadap agama, terutamanya dalam menyanggah aliran kebatinan dan idea-idea ilmu ahli falsafah.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Fauzi Hammat di dalam bukunya yang bertajuk Ketokohan al-Ghazali Dalam Bidang Logik, beliau memetik kata-kata Zaki Mubarak yang menyatakan bahawa al-Ghazali mengkritik ilmu falsafah adalah kerana ketiadaan guru yang khusus yang membimbangnya dalam bidang falsafah. Sejarah turut menyatakan secara khususnya, Al-Ghazali hanya mendalami dan menguasai ilmu logik dan tasawuf sahaja iaitu dengan cara berguru. Salah seorang gurunya yang paling terkenal dalam bidang tersebut ialah al-Juwayni (m. 478H/ 1047M) manakala dalam bidang ilmu Tasawuf pula ialah Abu Ali al-Farmadhi (m. 477H/1084M).

Dari sudut ilmu falsafah, ada pihak yang berpandangan bahawa ilmu falsafah yang diperolehi oleh al Ghazali adalah dari usahanya sendiri. Beliau mempelajari ilmu tersebut secara sendirian dengan tanpa bimbingan daripada mana-mana guru. Beliau mempelajari serta menganalisis buku Aristotle, Plato, dan Socrates. Begitu juga halnya dengan buku-buku karangan al-Farabi dan juga ibn Sina. Dari sudut yang lain pula, ibn Sina telah membaca buku metafizik karangan



Aristotle sehingga 40 kali tanpa dapat memahaminya kecuali setelah membaca ulasan yang dikarang oleh al-Farabi. Hal ini menunjukkan perbezaan yang ketara diantara al-Ghazali yang hanya mempelajari ilmu falsafah secara bersendirian, dengan ibn Sina yang mempelajari ilmu tersebut dengan bantuan daripada penjelasan buku al-Farabi. Jelas disini menimbulkan keraguan terhadap keautoritian al-Ghazali dalam

mengkritik ilmu falsafah. Namun begitu, gelaran Hujjatul Islam sudah cukup untuk menangkis segala persepsi negatif yang dilemparkan kepada beliau. Beliau seorang yang cerdas dan bijak dalam disiplin ilmu pengetahuan. Bahkan juga Ibn Kathir turut mengiktiraf akan ketokohan al Ghazali dan sumbangannya sebagai seorang ilmuwan Islam.

KESIMPULAN

Hakikatnya al-Ghazali merupakan seorang tokoh yang mempunyai tahap kecerdasan akal yang tinggi. Beliau amat mahir dalam disiplin ilmu yang di ceburinya. Ibn Kathir menyifatkannya sebagai salah seorang tokoh cendiakawan dunia dalam semua bidang yang diceburinya. Gelaran Hujjat al-Islam yang diberikan kepada dirinya bermaksud orang berhujah mempertahankan agama Islam. Gelaran ini amat sesuai diberikan kepadanya memandangkan peranannya yang besar dan mendalam dalam bidang ilmu epistemologi Islam. Demikianlah al-Ghazali menempuh segala jalan dan mempelajari semua mazhab. Bermula menjadi ahli hukum Islam, kemudiannya beliau menjadi seorang ahli teologis dan kemudian sebagai seorang ahli falsafah sebelum bertukar pada akhirnya kepada seorang ahli sufi. Sekian.

ACIS

Pembangunan

Ke-Arah 2020



اكاديمية الدراسات الإسلامية المعاصرة
Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS)

Oleh : Nuruul Hidayah Binti Mansor
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (Academy Contemporary of Islamic Studies) (ACIS) merupakan satu unit pelengkap kepada keseluruhan struktur organisasi akademik di Universiti Teknologi Mara (UiTM). Kewujudan ACIS di UiTM adalah selaras dengan misi dan visi UiTM yang ingin melahirkan golongan profesional bumiputera yang bertakwa dan bersifat mulia. ACIS berperanan penting dalam memastikan misi dan visi UiTM tercapai dengan melahirkan golongan profesional bumiputera yang bukan sahaja berdaya saing dalam dunia moden malah merupakan golongan yang berpegang kepada agama dan adat resam bangsa.



ACIS CNS sentiasa berusaha menjadi antara fakulti penggerak dalam pembangunan akademik di Universiti melalui matlamat yang ingin direalisasikan iaitu:

1	Memperkasa tadbir urus jabatan ACIS ke tahap yang cemerlang dan berkualiti
2	Melahirkan pensyarah ACIS yang berwibawa dan berdaya saing
3	Membentuk budaya akademik yang proaktif dan dinamik dalam kalangan pensyarah
4	Meningkatkan multi-skill dalam kalangan pensyarah ACIS khasnya dalam bidang ICT



Justeru hala tuju pembangunan ACIS CNS harus bersifat ideal dan realistik untuk memastikan sasaran objektif dalam pembangunan akademik dan pembangunan staf (pensyarah) tercapai. Strategi perancangan dan pelan pembangunan ACIS CNS dilihat merupakan penggerak utama yang dapat membantu dalam pencapaian sasaran organisasi jabatan serta KPI pensyarah yang holistik. ACIS CNS bergabung tenaga dalam penyediaan perancangan pembangunan fakulti melalui 3 siri program dan 1 program pemantapan pelan yang telah di adakan sepanjang tahun 2017 hingga 2018.

>> Pelan Pembangunan ACIS CNS Siri 1: (22 Disember 2017)

>> Pelan Pembangunan ACIS CNS Siri 2: (28 Februari 2018-1 Mac 2018)

>> Pelan Pembangunan ACIS CNS Siri 3: (6 Julai 2018)

>> Bengkel Blueprint Pelan Pembangunan ACIS CNS: (14 September 2018)

Konsep Kepimpinan & Pengurusan

Oleh : Ahmad Faiz Hj. Ahmad Ubaidah
(Koordinator ACIS UiTM Kampus Rembau)



- ⇒ Kepimpinan merupakan satu kejadian atau perlakuan kemasyarakatan. Ia berhubungkait dengan wujudnya perkongsian di antara dua orang atau lebih.
- ⇒ Ia sama seperti pengurusan sebagai satu keperluan kemasyarakatan, supaya mengorganisasikan hubungan individu-individu yang mempunyai matlamat yang sama di kalangan anggota masyarakat itu
- ⇒ Agama Islam amat mementingkan kepimpinan pengurusan mana-mana kumpulan menerusi pakatan serta persefahaman supaya dapat memberi petunjuk dalam seluruh masalah dan urusan mereka. Ini ditekankan oleh Sabda Rasulullah (s.a.w).

اذا خرج ثلاثة في سفر فليأمرا أحدهم
(رواه مسلم)

Maksudnya: “ Apabila tiga orang dari kamu keluar bermusafir, mesti melantik salah seorang dari kamu supaya menjadi pemimpin”.

- ⇒ Dari hadis tersebut, serta lain-lain hadis yang memberikan maksud yang sama, didapati bahawa memilih pemimpin terletak dalam lingkungan kuasa kumpulan, maka tidak ada sesiapa yang boleh memegang tampuk kepimpinan secara paksaan kerana pemimpin sebenar hanyalah orang yang dipilih oleh kumpulan dan diterima oleh seluruh anggota masyarakat atau sekurang-kurangnya yang paling ramai dari mereka.
- ⇒ Perlu diketahui bahawa terdapat tiga faktor asasi yang boleh membentuk mana-mana kepimpinan pengurusan terhadap kumpulan iaitu:
 1. Satu kumpulan terbentuk dari dua orang atau lebih.
 2. Terdapat satu kumpulan yang mempunyai satu matlamat dan berusaha untuk mencapainya.
 3. Memilih salah seorang daripada kumpulan sebagai pemimpin, saling bekerjasama bagi menunjukkan kebolehannya dalam pengurusan kepimpinan kumpulan ke arah matlamat yang diingini.

rakannya tapi tidak menghiraukan bapanya, suara herok pekok dalam masjid-masjid, ketua lebih buruk lakunya daripada kaumnya, seseorang itu dimulia dan dihormati kerana takutkan kejahatannya, arak menjadi minuman harian, sutera menjadi pakaian, orang ramai menjadikan abdi-abdi wanita sebagai penyanyi-penyanyi (penari-penari), alat-alat yang melalaikan (muzik) menjadi lumrah digunakan, manakala orang-orang mutakhir mengutuk umat yang terdahulu, maka tunggulah pada waktu itu tiga perkara (akan berlaku): angin merah, bumi merekah (manusia di telan bumi oleh gempa dan tanah runtuh) dan perubahan rupa kepada yang lebih buruk lagi.

Perkataan al-Qinat di dalam Hadith ini memberi maksud kepada al-mughniyat wa al-raisat, iaitu penyanyi-penyanyi dan penari-penari wanita. Namun begitu, Hadith ini merupakan Hadith yang daif dari segi sanadnya, iaitu al-Faraj Ibn Fadalah yang merupakan seorang perawi yang lemah dari segi hafazannya. Manakala, Muhammad bin Amru bin cali bin 'Abi Talib yang meriwayatkan Hadith ini daripada datuknya pula adalah Hadith mursal, maka Hadith ini merupakan Hadith munqati. Walaupun Hadith ini merupakan Hadith yang daif dari sudut sanadnya, tetapi terdapat banyak riwayat lain yang menyokong matan Hadith ini seperti riwayat 'Abi Hurayrah dan riwayat Imran bin Husayni yang jelas menunjukkan bahawa 'al-Qinat' merupakan salah satu daripada penyebab tibanya bala seperti tengelamnya ke dalam bumi dan perubahan rupa kepada yang lebih buruk. Oleh yang demikian, jelaslah menunjukkan bahawa tarian yang melalaikan adalah haram hukumnya.

Walaubagaimanapun, terdapat segolongan yang membenarkan tarian yang tidak mengundang kepada kemungkaran. Golongan ini dipelopori oleh ahli-ahli sufi . Mereka berhujah berdasarkan riwayat A'ishah :

((عَنْ عَزْوَةِ بْنِ الزُّبَيْرِ أَنَّ عَائِشَةَ قَالَتْ : لَقَدْ رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمًا عَلَى بَابِ حَجَرَتِي وَالْحَبْشَةِ يَلْعَنُونَ فِي الْمَسْجِدِ وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَرِنِي بِرَدَانِهِ أَنْظَرَ إِلَى لَعْبِهِمْ))

Maksudnya : Dari Urwah Ibn Al-zubairi, bahawa sesungguhnya cA'ishah berkata : Sesungguhnya saya telah melihat RasuluLlah saw pada suatu hari dipintu kamar saya, di mana orang-orang Habshah sedang bermain di dalam Masjid, dan RasuluLlah saw menutupi saya dengan kainnya seraya bersabda : Lihatlah kepada permainan mereka.

Hadith ini menjelaskan bahawa tarian dengan senjata adalah dibenarkan. Namun begitu, pengertian Hadith ini disangkal oleh Jumhur Fuqaha'. Jumhur berpendapat maksud permainan yang dimainkan oleh orang Habshah tersebut bukanlah hujah untuk membenarkan tarian tetapi adalah untuk latihan peperangan .

Berdasarkan analisis ini jelas menunjukkan bahawa Islam melarang segala bentuk tarian yang mengundang kepada kemungkaran dan kefasidan. Sekiranya ada pendapat yang membenarkan tarian, ianya hanyalah tarian yang berbentuk seperti permainan senjata peperangan seperti yang dinyatakan di dalam riwayat A'ishah. Tarian tersebut, hanyalah mempunyai gerakan yang kasar dan tidak mengundang kepada kemungkaran.

RUJUKAN

'Ahmad bin Ali bin Hajar al- cAsqalani (2000), Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari, 18 j. c. 3. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al- Ilmiyah.

Dr. Engku Ibrahim Bin Ismail dan Ustaz Hj. Abdul Ghani Bin Hj. Shamsudin (1992), Konsep Seni Dalam Islam, c. 1. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya

Habib Hassan Tauma (2003), The Music Of The Arabs. Laurie Schwartz & Reinhard G Pauly (terj.), United States: Amadeus Press

Mubar Kafuri, al-'Imam al-Hafiz 'Abi al- cUla Muhammad cAbd al-Rahman Ibn cAbd al-Rahim al-(2001), Tuhfah al-'Ahwadhi, 9 j. c. 1. Kaherah: Dar al-Hadith

Qurtubi, 'Abi cAbdu'Llah Muhammad bin 'Ahmad al-'Ansari al-(2002), al-Jamic li 'Ahkam al-Qur'an (Tafsir al-Qurtubi), 10 j. Kaherah: Dar al-Hadith

Wahbah al-Zuhayli (Prof.)(Dr.)(1998), al-Tafsir al-Munir fi al- cAqidah wa al-Sharicah wa al-Manhaj, 32 j. c. 2. Beirut, Lubnan: Dar al-Fikr al-Mucasir

Wahbah al-Zuhayli (Prof.) (Dr.) (2002), al-Fiqh al-'Islamī wa 'Adillatuhu, 11 j. c. 4. Birut: Dar al-Fikr

Hukum Tarian Menurut Islam

Oleh : Mu'allim Bin Mohd Bakri
(Pensyarah Kanan ACIS UiTM
Kampus Seremban)



Menurut kamus dewan, tarian memberi maksud “gerakan badan, kaki serta tangan mengikut tingkah atau mengikut rentak muzik”. Budaya tarian telah pun wujud sejak zaman dahulu lagi. Pelbagai bentuk tarian yang bervariasi mengikut budaya, bangsa, negara dan lain-lain telah lama diamalkan oleh masyarakat. Namun begitu, timbul persoalan berkaitan dengan hukum tarian menurut Islam.

Sesungguhnya, Jumhur Fuqaha' telah bersepakat bahawa segala bentuk tarian yang meliputi pergerakan yang mengundang kemungkaran seperti tarian yang mengoda, pendedahan aurat, percampuran lelaki dan wanita dan lain-lain lagi adalah haram. Pendapat ini adalah berpandukan kepada beberapa dalil yang jelas menunjukkan akan pengharaman seni tarian. Antara dalil yang menjadi sumber utama pendapat ini adalah daripada al-Qur'an dan al-Hadith. Dalil daripada al-Qur'an adalah :

((وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا إِنَّكَ لَنْ تُخْرِقَ الْأَرْضَ وَلَنْ تَتَّلَعَّ الْجَبَانَ
طَوْلًا))

Maksudnya : Dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sompong, kerana sesungguhnya engkau tidak akan dapat menembusi bumi, dan engkau tidak akan dapat menyamai setinggi gunung ganang. (Surah al-Isra'(17): 37)

Berdasarkan ayat ini jelas menunjukkan bahawa Allah swt melarang hambaNya berjalan

di muka bumi dalam keadaan berlagak sompong. Al-Qurtubi dan Dr Wahbah al-Zuhayli di dalam Tafsir mereka, menjelaskan bahawa ayat ini juga ditafsirkan kepada hukum tarian. Mereka berpendapat bahawa, tarian merupakan suatu perbuatan yang menonjolkan ciri-ciri kesombongan dalam diri seseorang. Bahkan 'Imam 'Abu al-Wafa' bin Aqil menyatakan bahawa tarian itu merupakan suatu perbuatan yang amat sompong . Selain ayat al-Qur'an ini, terdapat juga dalil daripada Hadith Rasulullah saw. Antara hadith tersebut adalah Hadith riwayat Ali bin 'Abi Talib :

((عَنْ عَلَيَّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: <>إِذَا فَعَلْتَ أَمْثَلَ حُسْنَ عَشْرَةَ حَصْنَةً حَلَّ بَهَا الْبَلَاءُ<> فَقَيْلَ: وَمَا هُنَّ بِأَرْسَلِ اللَّهِ؟ قَالَ: <>إِذَا كَانَ الْمَعْنَى دُولَةً، وَالْأَمَانَةُ مَعْنَى، وَالرِّزْكَاهُ مَعْرِماً، وَأَطْاعَ الرِّجْلَ زَوْجَتَهُ وَعَوْنَّ أُمَّةَ، وَبَرَّ صَدِيقَهُ وَجَفَا أَبَاهُ، وَارْتَفَعَتِ الْأَصْوَاتُ فِي الْمَسَاجِدِ، وَكَانَ زَعِيمُ الْقَوْمِ أَرْذَلَهُمْ، وَأَكْرَمَ الرِّجْلَ مَخَافَةً شَرَهُ، وَشَرِيكَتِ الْخَمُوزَ، وَلَيْسَ الْحَرِيزَ، وَأَنْجَنَتِ الْقَيْنَاتُ وَالْمَعَازِفَ، وَلَعِنَ أَخْرَ هَذِهِ الْأُمَّةِ أُولَاهَا، فَلَيْزَقُنَا عِنْدَ ذَلِكَ: رِبَاحًا حَمْزَاءَ، أَوْ خَسْفًا وَمَسْخَا<>))

Maksudnya : Dari 'Imam Ali Ibn 'Abi Talib, di mana ia berkata: Rasulullah saw bersabda : Apabila umatku melakukan 15 perkara maka mereka akan ditimpa bala'. Lalu ditanyakan kepada baginda, Wahai Rasulullah, apakah itu?. Jawab baginda: Apabila harta rampasan menjadi habuan orang tertentu sahaja, amanah dianggap habuan, zakat dianggap hutang, suami mentaati isterinya tapi mendurhakai ibunya, berbuat baik kepada